

## HARI MALAYSIA

15 SEPTEMBER 2023 / 29 SAFAR 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ

أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah di dunia dan akhirat.

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala sekalian**

Tanggal 16 September 1963 merupakan satu tarikh keramat yang menyaksikan penubuhan Persekutuan Malaysia membabitkan gabungan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Pada tarikh inilah jua nama “Malaysia” telah diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, sekali gus menamatkan penjajahan dan ancaman komunis khususnya di negeri Sabah dan Sarawak.

Maka sebagai umat Islam, marilah kita bersama-sama bersyukur atas nikmat menjadi warga sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, serta kaya dengan hasil mahsul negara. Kita bebas untuk mentadbir tanpa perlu lagi tunduk kepada telunjuk negara asing. Hidup dalam keadaan aman dan harmoni, menjadi teduhan kepada segenap lapisan masyarakat, walaupun berlatar belakang masyarakat majmuk pelbagai bangsa dan agama.

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala**

Sejak awal kejadian Nabi Adam Alaihissalam, Allah Subhanahu wa Taala telah menetapkan bahawa tanggungjawab manusia adalah sebagai khalifah untuk mengajak manusia beriman kepada Allah Subhanahu wa Taala serta memakmurkan bumi ini. Lihatlah sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi wa Sallam selaku Rasul dan pemimpin berjaya mengislamkan masyarakat Mekah dan Madinah serta mengembangkannya ke serata dunia. Inilah gaya kepemimpinan yang perlu menjadi ikutan kepada pemimpin semua peringkat di negara ini.

Semasa zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam, Baginda berusaha mendaulatkan Islam sebagai tunjang pemerintahan. Inilah rahsia kejayaan pemerintahan Islam yang adil, apabila kepemimpinan sentiasa peduli dan saksama terhadap masyarakat pelbagai agama dan bangsa, tetapi dalam masa yang sama, tidak pernah meminggirkan kedaulatan agama Islam. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Haj ayat 41:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ  
وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

**Yang bermaksud:** *“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala**

Bersempena dengan Sambutan Hari Malaysia ini, marilah sama-sama kita bersyukur dengan nikmat memiliki sebuah negara yang merdeka. Umat Islam perlu menyedari betapa kemerdekaan ini adalah hasil keringat daripada pejuang-pejuang Melayu yang diterajui oleh para ulamak, guru-guru pondok dan pemimpin masyarakat. Maka bersesuaian dengan agama Islam sebagai agama persekutuan, umat Islam khasnya orang Melayu sebagai bangsa majoriti, perlu mengelakkan diri daripada menjadi petualang yang meminggirkan agama sebagai jati diri negara tercinta ini.

Umat Islam perlu bersatu padu, agar nikmat hidup dalam negara yang merdeka secara aman dan harmoni ini dapat dipelihara. Jika ada sengketa yang masih membengkak, jika ada dendam yang masih disimpan, demi agama dan negara, berdamailah. Firman Allah dalam Surah al-Hujurat ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

**Yang bermaksud:** “*Sebenarnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ